

KUALA LUMPUR, 17 MEI (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO ADALAH TERLALU DEKAT BAGINYA UNTUK MENGAMBIL DAYA-USAHA MENGERAKKAN SATU KOMPROMI DALAM PEMILIHAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI TERSEBUT.

BELIAU BERKATA BAHAWA PEMILIHAN BAGI JAWATAN TERSEBUT ADALAH HAK PERWAKILAN DAN ADALAH TIDAK PATUT BAGINYA MENGAMBIL HAK TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA BAHAWA DATUK HUSSEIN ONN SENDIRI TIDAK MENYEBUT SIAPA YANG AKAN MENGAMBIL TEMPATNYA SEBAGAI PRESIDEN UMNO DAN TERPULANGLAH KEPADA PERWAKILAN MEMBUAT PEMILIHAN MEREKA NANTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEDAR BAHAWA ADA ORANG LAIN YANG TELAH JUGA DICALONKAN BAGI JAWATAN PRESIDEN UMNO DAN BELIAU SENDIRI BELUM MENANDATANGANI BORANG PENERIMAAN PENCALONAN BAGI JAWATAN TERSEBUT.

BELIAU MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA APABILA DITANYA SAMADA BELIAU AKAN MENGAMBIL JALAN KOMPROMI DALAM PEMILIHAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN MEMBUAT PILIHANNYA SENDIRI SEKIRANYA BELIAU MENJADI PRESIDEN UMNO NANTI. — BERSAMBUNG 2010/1

MAHATHIR-KOMPROMI 2 KUALA LUMPUR

MENGULAS PERLANTIKAN DATUK HUSSEIN OLEH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK DAN BELIAU SENDIRI OLEH DATUK HUSSEIN, TIMBALAN PRESIDEN UMNO ITU BERKATA BAHAWA KEDUA-DUANYA DILAKUKAN DALAM KEADAAN TERDESAK DAN JAWATAN TELAH DIKOSONGKAN.

BELIAU MAHUKAN SUPAYA PERTANDINGAN BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN AKAN BERAKHIR SELEPAS PEMILIHAN DIBUAT.

TERDAHULU, KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN DAMANSARA KALI KE-TUJUH DI SINI, BELIAU BERKATA BAHAWA UMNO IALAH SEBUAH PERTUBUHAN POLITIK YANG BERASASKAN DEMOKRASI DAN YANG BERKUASA BUKANLAH PEMIMPINNYA TETAPI AHLI YANG BERHAK MENENTUKAN NASIB MEREKA WALAUPUN CARA PENGUNDIAN ATAU PEMILIHAN. — BERSAMBUNG 2013/A1

MAHATHIR-KOMPROMI 3 KUALA LUMPUR

KATANYA WALAUPUN HAK ITU KECIL DAN PADA MASA YANG TERTENTU SAHAJA TETAPI HAK ITU ISTIMEWA SEKALI.

SECARA BERSELOROH BELIAU BERKATA BAHAWA PEMIMPIN TIDAK HARUS SEBAGAI PERIBAHASA PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI TETAPI HILANG TUMBUH PATAH BERGANTI. SEKIRANYA SESEORANG ITU HENDAK MERASA PATAH, BELIAU BOLEH CUBA MENJADI PEMIMPIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA AHLI UMNO HARUS MENENTUKAN APA YANG MEREKA HENDAK KERANA PEMILIHAN DIBUAT TIGA TAHUN SEKALI DAN MASA ITU ADALAH LAMA BAGI MENUNGGU PEMILIHAN SETERUSNYA JIKA TIDAK BERPUAS HATI.

BELIAU BERKATA BAHAWA MESYUARAT AGUNG DAN PEMILIHAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO DARI 26 HINGGA 28 JUN MENARIK PERHATIAN SELURUH DUNIA KERANA APA YANG DIPUTUSKAN AKAN MENYERUPAKAN KUASA KEPADA NEGARA DAN APA YANG DIBUAT OLEH NEGARA AKAN JUGA MELIBATKAN ASEAN DAN NEGARA ISLAM YANG MANA NEGARA INI MENGAMBIL BAHAGIAN. — BERSAMBUNG 2016/A1

MAHATHIR-KOMPROMI 4 KUALA LUMPUR

MENYENTUH DASAR EKONOMI BARU DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHWA SETAKAT INI AMANAH SAHAM NASIONAL YANG DIHARAPKAN MENDAPAT PELABURAN SEBANYAK \$16,000 JUTA DALAM TAHUN 1990 TELAH MENDAPAT PELABURAN SEBANYAK \$80 JUTA.

JUMLAH TERSEBUT YANG BERNILAI \$120 JUTA DAN MELIBATKAN 440,000 BUMIPUTERA MASIH MERUPAKAN ANGKA PELABURAN YANG KECIL.

BELIAU YAKIN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA YANG LAYAK AKAN MELABUR DAN BERBUAT DEMIKIAN SEBELUM AKHIR BULAN DEPAN UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN LEBIH.

KATANYA KESEMPATAN MELABUR DALAM AMANAH SAHAM NASIONAL AKAN MENENTUKAN PEMBAHAGIAN YANG BERMAKNA KEPADA BUMIPUTERA DAN UNTUK MENENTUKAN 30 PERATUS PEMBAHAGIAN EKONOMI NEGARA KEPADA BUMIPUTERA, TAMBAHNYA. — BERNAMA 2018/A1